

TERMA DAN SYARAT KEMPEN “PRIME ENHANCED”

1. Kempen “Prime Enhanced” (“**Kempen ini**”) dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] (“**CIMB**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari 1 September 2024 sehingga 31 Ogos 2025, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis awal tujuh (7) hari kalendar.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu CIMB baharu dan sedia ada yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas (“**Peserta/Pelanggan Layak**”), kecuali kategori orang/entiti yang disenaraikan dalam Fasal 5 di sini.
5. Kategori orang/entiti berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:-
 - a) Pelanggan Perbankan CIMB Preferred Banking dan Pelanggan Perbankan CIMB Private Banking;
 - b) Pemegang Akaun Prime sedia ada yang telah membuka Akaun Perdana sebelum 2 Januari 2023;
 - c) Perusahaan kecil dan sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketuanpunyaan tunggal, perkongsian dan perkongsian profesional;
 - d) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun; dan/atau
 - e) Untuk kelayakan Kad Kredit, pemegang kad prinsipal berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan memperoleh sekurang-kurangnya pendapatan minimum RM24,000 setahun; dan/atau
 - f) Pelanggan individu yang telah diisytiharkan sebagai bankrap atau sebaliknya mempunyai prosiding kebangkrutan dalam apa jua bentuk yang dimulakan terhadap mereka;
 - g) Orang Amerika Syarikat seperti yang ditakrifkan di bawah (terpakai bagi Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Syariah atau apa-apa produk lain, sebagaimana yang mungkin:
 - i. Mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat, termasuk mana-mana orang dengan domisil Amerika Syarikat; atau
 - ii. Mana-mana orang dengan alamat surat-menyurat akaun Amerika Syarikat; atau
 - iii. Mana-mana orang yang memegang Kad Hijau Amerika Syarikat; atau
 - iv. Mana-mana orang yang memenuhi “*substantial presence test*”, iaitu seseorang yang berada di Amerika Syarikat selama sekurang-kurangnya 183 hari kalendar dengan mengira semua hari (sekurang-kurangnya 31 hari) pada tahun semasa, 1/3 daripada hari-hari pada tahun sebelumnya, dan 1/6 daripada hari-hari pada tahun kedua sebelumnya; atau
 - v. Mana-mana orang yang ditakrifkan sebagai Orang Amerika Syarikat untuk tujuan Cukai Amerika Syarikat.
6. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta/Pelanggan Layak menyatakan dan mengesahkan bahawa beliau tidak tergolong dalam kategori orang yang tersebut di atas.

Kriteria Kelayakan

7. Untuk layak mendapat Faedah Bonus di bawah Kempen ini, Peserta/Pelanggan Layak mestilah:

Kriteria Kelayakan
a) Pemegang Akaun Simpanan Prime; ATAU
b) Pemegang Akaun Prime dari 2 Januari 2023 dan seterusnya.

8. Peserta/Pelanggan Layak mesti mengekalkan jumlah Baki Purata Bulanan ("**MAB**") minimum sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) dalam Akaun Prime dan/atau Akaun Simpanan Prime ("**Prime CASA**") pada setiap bulan semasa Tempoh Pembayaran Faedah Bonus seperti yang dinyatakan dalam Fasal 13 untuk layak menerima Faedah Bonus ("**Akaun Layak**") sekiranya Peserta/Pelanggan Layak melaksanakan Transaksi Layak seperti yang dinyatakan dalam Fasal 9. Kegagalan untuk memenuhi syarat tersebut pada mana-mana bulan tertentu akan menyebabkan Peserta/Pelanggan Layak tidak berhak menerima Pembayaran Faedah Bonus bagi bulan kempen tertentu itu.

Ungkapan Baki Purata Bulanan (MAB) hendaklah bermaksud:

$$\frac{\text{Jumlah baki akhir setiap hari pada bulan itu bagi Prime CASA}}{\text{Bilangan hari pada bulan itu}}$$

Cth.: Bagi bulan Januari, MAB dikira seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah baki akhir setiap hari pada bulan Januari}}{31 \text{ hari}}$$

MAB pertama untuk Peserta/Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada bulan pemenuhan Kriteria Kelayakan yang dinyatakan dalam Fasal 7 di atas.

Hanya MAB Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00) pertama pada bulan kempen semasa Tempoh Pembayaran Faedah Bonus bagi Akaun Layak Milik Peserta/Pelanggan Layak akan layak menerima Faedah Bonus.

Mekanisme Kempen

9. Akaun Layak Milik Peserta/Pelanggan Layak akan layak menerima kadar faedah bonus (iaitu, kadar tambahan kepada kadar faedah yang sedia ada bagi Akaun Layak) selepas menjalankan Transaksi Layak di bawah pada mana-mana bulan semasa Tempoh Pembayaran Faedah Bonus seperti yang dinyatakan dalam Fasal 13. Peserta/Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada laman sesawang CIMB untuk kadar faedah terkini Akaun Layak:

Kategori Faedah Bonus	Transaksi Layak	% Faedah Bonus
Bonus Deposit	a) Mendepositkan Dana Baharu terkumpul minimum sebanyak: I. RM3,000.00 ke dalam Prime CASA sebulan untuk Pelanggan CIMB@Work. II. RM5,000.00 ke dalam Prime CASA sebulan untuk Pelanggan yang tiada CIMB@Work.	2.30% setahun

Bonus Kekayaan	a) Pembelian/penyertaan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak terkumpul yang berjumlah Premium Tahun Pertama Tahunan (AFYP)/Sumbangan Tahun Pertama Tahunan (AFYC) RM3,600.00 dan ke atas dengan tarikh pengeluaran polisi/kontrak/sijil pada bulan kalendar yang sama.	1.00% setahun selama 6 bulan
Bonus Kad Kredit	a) Melaksanakan Transaksi Runcit Layak terkumpul minimum sebanyak RM1,000.00 yang dibelanjakan dengan menggunakan Kad Kredit/-i CIMB dalam tempoh satu bulan semasa sesuatu bulan tertentu dan/atau semasa Tempoh Kelayakan Faedah Bonus.	0.50% setahun

10. Ungkapan **"Dana Baharu"** hendaklah bermaksud wang atau dana yang bukan berasal daripada mana-mana Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i ("CASA/-i") yang Peserta/Pelanggan Layak miliki dengan CIMB.
11. **"Pelanggan CIMB@Work"** merujuk kepada individu yang memenuhi syarat kelayakan CIMB@Work seperti yang mungkin ditentukan oleh CIMB dan diterima oleh CIMB. Terma dan syarat Kempen ini hendaklah dibaca bersama terma dan syarat lazim CIMB@Work yang akan terpakai sebagai tambahan kepada terma dan syarat di sini.
12. Transaksi deposit berikut TIDAK boleh diklasifikasikan sebagai Kriteria Kelayakan:
- a) Akaun Simpanan Tetap/-i (FD/-i) yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana FD/-i sedia ada; dan/atau
 - b) Penebusan Dana Unit Amanah daripada Akaun Unit Amanah; dan/atau
 - c) Penjualan Emas daripada eGIA; dan/atau
 - d) Faedah/Keuntungan Kredit, Rebat Tunai/ Pulangan Tunai
 - e) Sebarang transaksi deposit lain yang ditentukan oleh CIMB
13. **"Tempoh Kelayakan Faedah Bonus"** hendaklah bermaksud:

Kategori Faedah Bonus	Tempoh Pembayaran Faedah Bonus
Bonus Deposit	a) Jika Prime CASA dibuka dalam Tempoh Kempen, Bonus Deposit akan perlu dibayar setiap bulan selama 12 bulan bermula dari bulan pembukaan Prime CASA sepanjang Tempoh Pembayaran Faedah Bonus apabila Peserta/Pelanggan Layak memenuhi Transaksi Layak yang dinyatakan dalam Fasal 9 di atas. b) Jika Peserta/Pelanggan Layak mempunyai Akaun Simpanan Prime sebelum Tempoh Kempen, Bonus Deposit akan dibayar setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen apabila Peserta/Pelanggan Layak memenuhi Transaksi Layak yang dinyatakan dalam Fasal 9 di atas. c) Jika Pelanggan Layak mempunyai Akaun Prime yang dibuka dari 2 Januari 2023, Bonus Deposit akan perlu dibayar setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen apabila Peserta/Pelanggan Layak memenuhi Transaksi Layak yang dinyatakan dalam Fasal 9 di atas.

Bonus Kekayaan	a) Jika Prime CASA dibuka dalam Tempoh Kempen, Bonus Kekayaan akan perlu dibayar selama enam (6) bulan pada bila-bila masa dalam tempoh 12 bulan bermula dari bulan pembukaan Prime CASA sepanjang Tempoh Pembayaran Faedah Bonus apabila Peserta/Pelanggan Layak memenuhi Transaksi Layak yang dinyatakan dalam Fasal 9 di atas. b) Jika Pelanggan Layak mempunyai Akaun Simpanan Prime sebelum Tempoh Kempen, Bonus Kekayaan akan perlu dibayar selama enam (6) bulan sepanjang Tempoh Kempen apabila Peserta/Pelanggan Layak memenuhi Transaksi Layak yang dinyatakan dalam Fasal 9 di atas. c) Bulan yang Peserta/Pelanggan Layak memenuhi Transaksi Layak akan merupakan Bulan satu (1) Tempoh Pembayaran Faedah Bonus Kekayaan, dikira hingga Bulan enam (6) daripada jumlah enam (6) bulan bagi Tempoh Pembayaran Faedah Bonus Kekayaan. d) Sekiranya Peserta/Pelanggan Layak memenuhi satu lagi Transaksi Layak seperti yang dinyatakan dalam Fasal 9 di atas sebelum akhir Tempoh Pembayaran Faedah Bonus Kekayaan 6 bulan bagi Transaksi Layak pertama, maka Tempoh Pembayaran Faedah Bonus Kekayaan akan ditetapkan semula dan Tempoh Pembayaran Faedah Bonus yang baharu akan bermula dari bulan kuat kuasa Transaksi Layak terkini selama 6 bulan berturut-turut.
Bonus Kad Kredit	a) Jika Prime CASA dibuka dalam Tempoh Kempen, Bonus Kad Kredit akan dibayar setiap bulan selama 12 bulan bermula dari bulan pembukaan Prime CASA sepanjang Tempoh Pembayaran Faedah Bonus apabila Peserta/Pelanggan Layak memenuhi Transaksi Layak yang dinyatakan dalam Fasal 9 di atas. b) Jika Pelanggan Layak mempunyai Akaun Simpanan Prime sebelum Tempoh Kempen, Bonus Kad Kredit akan perlu dibayar setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen apabila Peserta/Pelanggan Layak memenuhi Transaksi Layak yang dinyatakan dalam Fasal 9 di atas. c) Jika Pelanggan Layak mempunyai Akaun Prime yang dibuka dari 2 Januari 2023, Bonus Kad Kredit akan perlu dibayar setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen apabila Peserta/Pelanggan Layak memenuhi Transaksi Layak yang dinyatakan dalam Fasal 9 di atas.

14. Produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak

- a) Produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran Kempen “*Prime Enhanced*” di [sini](#). Produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak adalah ditaja jamin oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran 199001005930 (197499-U)], suatu penanggung insurans yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“**Penanggung Insurans**”), atau diurus oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran 200501012215 (689263-M)], suatu pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“**Pengendali Takaful**”), (secara kolektif, “**Sun Life Malaysia**”).

- b) Peserta/Pelanggan Layak yang membeli/menyertai produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak semasa Tempoh Kelayakan Faedah Bonus daripada kakitangan jualan berlesen CIMB yang bertempat di cawangan/pusat CIMB layak menerima Faedah Bonus Kekayaan yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 9 dan adalah tertakluk pada semua kriteria kelayakan yang ditetapkan di bawah Fasal 15.
- c) Hanya premium/sumbangan tahunan bagi tahun pertama akan diambil kira sebagai Transaksi Layak, dengan syarat bahawa premium/sumbangan tahunan bagi tahun pertama memenuhi jumlah minimum seperti yang dinyatakan dalam Fasal 9. Sebarang bayaran premium/sumbangan selepas itu yang melebihi tahun pertama tidak akan diambil kira sebagai Transaksi Layak.
- d) Bagi produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak dengan pilihan tambah nilai, tambah nilai tetap atau tambah nilai tunggal TIDAK akan diakui sebagai sebahagian daripada AFYP/AFYC produk itu.
- e) Peserta/Pelanggan Layak hanya berhak menerima Faedah Bonus Kekayaan yang dinyatakan dalam Fasal 9 jika cadangan/permohonan untuk produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak itu diterima dan dikeluarkan oleh Sun Life Malaysia pada atau sebelum hari terakhir Tempoh Kelayakan Faedah Bonus dan jika polisi/kontrak/sijil yang dikeluarkan oleh Sun Life Malaysia tetap berkuat kuasa mengikut jadual di bawah dan terus tetap berkuat kuasa sepanjang Tempoh Pembayaran Faedah Bonus Kekayaan yang ditetapkan di bawah Fasal 13.

Tarikh Pengeluaran Polisi/Kontrak/Sijil	Polisi/Kontrak/Sijil mesti berkuat kuasa pada
1 September 2024 – 30 September 2024	31 Oktober 2024
1 Oktober 2024 – 31 Oktober 2024	30 November 2024
1 November 2024 – 30 November 2024	31 Disember 2024
1 Disember 2024 – 31 Disember 2024	31 Januari 2025
1 Januari 2025 – 31 Januari 2025	28 Februari 2025
1 Februari 2025 – 28 Februari 2025	31 Mac 2025
1 Mac 2025 – 31 Mac 2025	31 April 2025
1 April 2025 – 30 April 2025	31 Mei 2025
1 Mei 2025 – 31 Mei 2025	30 Jun 2025
1 Jun 2025 – 30 Jun 2025	31 Julai 2025
1 Julai 2025 – 31 Julai 2025	31 Ogos 2025
1 Ogos 2025 – 31 Ogos 2025	30 September 2025
1 September 2025 – 30 September 2025	31 Oktober 2025
1 Oktober 2025 – 31 Oktober 2025	30 November 2025
1 November 2025 – 30 November 2025	31 Disember 2025
1 Disember 2025 – 31 Disember 2025	31 Januari 2026
1 Januari 2026 – 31 Januari 2026	28 Februari 2026
1 Februari 2026 – 28 Februari 2026	31 Mac 2026
1 Mac 2026 – 31 Mac 2026	31 April 2026
1 April 2026 – 30 April 2026	31 Mei 2026
1 Mei 2026 – 31 Mei 2026	30 Jun 2026
1 Jun 2026 – 31 Julai 2026	31 Ogos 2026

- f) Sekiranya Peserta/Pelanggan Layak menarik balik atau membatalkan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak semasa peringkat cadangan/permohonan, peringkat pemprosesan atau mana-mana peringkat lain pada atau sebelum Tempoh Bertenang, atau sekiranya cadangan/permohonan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak tidak berjaya

disebabkan oleh isu penajajaminan, Peserta/Pelanggan Layak tidak akan berhak menerima Faedah Bonus Kekayaan.

- g) **“Tempoh Bertenang”** (*“Free-Look Period”*) ditakrifkan sebagai tempoh yang dalamnya pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil diberi Tempoh Bertenang selama lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi/kontrak/sijil untuk mengkaji semula kesesuaian pelan yang baru dibeli/disertai. Jika polisi/kontrak/sijil diserahkan balik dalam tempoh ini, premium/sumbangan penuh tolak perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung, jika ada, akan dibayar balik kepada pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil.
- h) Peserta/Pelanggan Layak mesti merupakan satu-satunya pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil bagi polisi/kontrak/sijil produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak; polisi/kontrak/sijil pihak ketiga tidak layak untuk Kempen ini.
- i) Peserta/Pelanggan Layak dikehendaki supaya menandatangani semua dokumen biasa yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan cadangan/permohonan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak beliau, yang berasingan daripada Terma dan Syarat ini.
- j) CIMB hanya merupakan pengedar produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak yang ditaja jamin oleh Penanggung Insurans atau diurus oleh Pengendali Takaful.
- k) Produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak bukan produk CIMB, dan oleh itu:
 - i. bukan obligasi, dan tidak dijamin oleh, CIMB dan/atau mana-mana subsidiari dan anggota gabungannya.
 - ii. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang perkara atau tuntutan yang timbul daripada produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak yang disediakan oleh Penanggung Insurans dan/atau Pengendali Takaful; dan
 - iii. Penanggung Insurans dan/atau Pengendali Takaful tersebut yang merupakan penanggung insurans dan penaja jamin/pengurus produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak hendaklah menunaikan obligasi insurans/takaful dengan sepenuhnya.
- l) CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap permohonan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak atau urusan surat-menyurat berkaitan yang lewat, hilang, tidak lengkap, dikemukakan dengan salah, tertangguh, sukar dibaca, rosak atau ditujukan dengan salah, sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, pemotongan, kecurian, pemusnahan atau selainnya, melainkan perkara tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
- m) Peserta/Pelanggan Layak adalah tertakluk pada penilaian kesesuaian yang akan dilakukan sebelum proses penjualan/ penyertaan sebelum syor Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak dibuat oleh wakil yang diberi kuasa. Peserta/Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada Brosur Produk bagi produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak dan sebarang bahan produk yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak. Brosur Produk bagi produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak boleh didapati pada laman sesawang CIMB atau boleh diperoleh daripada wakil yang diberi kuasa.
- n) Peserta/Pelanggan Layak hendaklah menunjukan sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan berkenaan dengan penggunaan dan/atau pembelian dan/atau penyertaan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak kepada Penanggung Insurans/Pengendali Takaful untuk penyelesaian kepada:

Sun Life Malaysia Assurance Berhad

[No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)]

Sun Life Malaysia Takaful Berhad

[No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]

Tingkat 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Sebagai alternatif, Peserta/Pelanggan Layak boleh menghubungi Talian Jagaan Pelanggan di 1300-88-5055, buat pertanyaan dalam talian melalui sunlifemalaysia.com, e-mel terus di wecare@sunlifemalaysia.com,

- atau faks ke (603) 2698 7035
- o) Penanggung Insurans/Pengendali Takaful, sebagai penyedia produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak, hendaklah mengurus sebarang perkara yang berkaitan dengan produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga Layak.
 - p) Penanggung Insurans/Pengendali Takaful adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") dan semua pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful & Insurans ("TIPS") sekiranya Penanggung Insurans/ Pengendali Takaful gagal dan tidak dapat menerima manfaat insurans/takaful.
15. Istilah "**Transaksi Runcit Kad Kredit**" untuk Kempen ini hendaklah merangkumi Perbelanjaan Runcit tempatan dan/atau luar negara yang dikenakan caj ke akaun Kad Kredit Peserta/Pelanggan Layak semasa Tempoh Kelayakan Faedah Bonus. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi berikut dikecualikan dengan nyata di sini dan tidak boleh dianggap sebagai Transaksi Runcit Kad Kredit:
- (i) Transaksi yang dibuat pada Kad Perniagaan Platinum dan Kad *Fuel Tanker* CIMB;
 - (ii) Transaksi Kuasi Tunai - (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
 - (iii) Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau apa-apa fi, caj atau penalti sama ada yang dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
 - (iv) Transaksi Runcit Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dibayar balik, atau apa-apa transaksi lain yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau melibatkan penipuan.
 - (v) Apa-apa transaksi yang dibuat di negara yang merupakan anggota Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) atau Kesatuan Eropah (EU).

Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai apa yang merupakan Transaksi Runcit Kad Kredit adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dengan apa jua cara sekalipun, melainkan jika perkara tersebut nampaknya seperti terlampau tidak adil atau tidak patut.

Perbelanjaan Runcit Luar Negara hendaklah ditukar kepada mata wang Ringgit Malaysia (RM) bagi tujuan pengiraan dan adalah berdasarkan kadar pertukaran semasa CIMB. Sekiranya jumlah pembelian bagi Perbelanjaan Runcit Luar Negara telah ditukar kepada Ringgit Malaysia pada waktu jualan melalui Pertukaran Mata Wang Dinamik (DCC), bentuk transaksi ini akan dikategorikan sebagai Perbelanjaan Runcit Tempatan. Bagi mengelakkan keraguan, sesuatu transaksi hendaklah dianggap sebagai Perbelanjaan Runcit Luar Negara jika kod mata wang yang dalamnya transaksi itu telah dilaksanakan adalah dalam apa-apa mata wang asing yang tidak termasuk Ringgit Malaysia. Sebarang penentuan oleh CIMB tentang apa yang merupakan Perbelanjaan Runcit Luar Negara adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dengan apa jua cara sekalipun, kecuali kesilapan yang ketara.

Penjejakan Transaksi Runcit Kad Kredit akan dibuat pada tarikh transaksi dan juga tarikh pencatatan, yang kedua-duanya mestilah semasa Tempoh Kelayakan Faedah Bonus.

CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan dalam pencatatan Transaksi Runcit Kad Kredit pada akaun Kad Kredit Peserta/Pelanggan Layak dan/atau kesilapan atau peninggalan dalam pencatatan tersebut kerana apa jua sebab sekalipun dan dengan apa cara sekalipun yang timbul, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan pada pihak peniaga melainkan perkara tersebut disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau keingkaran CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa, MasterCard, syarikat peniaga atau mana-mana pihak lain, melainkan perkara tersebut disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau keingkaran CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, Transaksi Runcit Kad Kredit terkumpul hendaklah bermaksud jumlah perbelanjaan terkumpul daripada Kad Kredit Peserta/Pelanggan Layak jika beliau merupakan pemegang Kad Utama sahaja.

16. Kempen ini tidak sah bersama dengan sebarang tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh CIMB berhubung dengan Prime CASA kecuali Kempen "Activate Account and Get Cashback".
17. Peserta/Pelanggan Layak dikehendaki supaya menandatangani semua dokumen biasa yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam produk layak yang berkaitan di bawah Kempen ini, yang berasingan daripada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
18. Prime CASA dan Akaun Simpanan Tetap/-i adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
19. Penentuan CIMB tentang apa yang merupakan sesuatu Transaksi Layak adalah muktamad, mengikat dan konklusif, dan penentuan tersebut tidak boleh dicabar dengan apa jua cara sekalipun.
20. Contoh pengiraan Faedah Bonus:

Peserta/Pelanggan Layak A, pelanggan CIMB@Work, membuka satu Akaun Prime pada 5 Ogos 2024 dan melaksanakan Transaksi Layak untuk Transaksi Deposit, Transaksi Kekayaan dan Transaksi Kad Kredit:

- Mendepositkan dana baharu sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000.00) setiap bulan dari bulan September 2024, November sehingga Februari 2025, April sehingga Jun 2025, Ogos 2025.
- Membeli/Menyertai produk Insurans Hayat Layak dengan Premium Tahun Pertama Tahunan (AFYP) sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) dan polisi dikeluarkan pada bulan Januari 2025.
- Melaksanakan perbelanjaan Kad Kredit bulanan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus (RM2,500.00) dari bulan September 2024 sehingga Ogos 2025.

Tempoh Pembayaran Faedah Bonus untuk Peserta/Pelanggan Layak A:	
Transaksi Deposit	September 2024 sehingga Ogos 2025
Transaksi Kekayaan	Januari 2025 sehingga Jun 2025
Transaksi Kad Kredit	September 2024 sehingga Ogos 2025

Tempoh Pembayaran Faedah Bonus	Baki Purata Bulanan (MAB)	Faedah Bonus Deposit (A)	Faedah Bonus Kekayaan (B)	Faedah Bonus Kad Kredit (C)	Jumlah Faedah Bonus (RM) (A+B+C)
September 2024	RM13,000.00	Memenuhi deposit dana baharu minimum sebanyak RM3,000.00 2.30% setahun	-	Memenuhi perbelanjaan Transaksi Runcit terkumpul minimum sebanyak RM1,000.00 dengan menggunakan Kad Kredit CIMB: 0.50% setahun	RM13,000 x 2.80% setahun x 30 hari/366 hari = RM29.84
Oktober 2024	RM9,000.00	-	-	-	Tiada MAB tidak memenuhi Kriteria Kelayakan minimum RM10,000.00

November 2024	RM19,000.00	Memenuhi deposit dana baharu minimum sebanyak RM3,000.00 2.30% setahun		Memenuhi pembelian/p enyertaan produk Insurans Hayat Layak dengan Premium Tahun Pertama Tahunan (AFYP) minimum sebanyak RM3,600.00. 1.00% setahun	RM19,000 x 2.80% setahun x 30 hari/366 hari = RM43.61
Disember 2024	RM23,000.00				RM23,000 x 2.80% setahun x 31 hari/366 hari = RM54.55
Januari 2025	RM28,000.00				RM28,000 x 3.80% setahun x 31 hari/365 hari = RM90.37
Februari 2025	RM33,000.00				RM33,000 x 3.80% setahun x 28 hari/365 hari = RM96.20
Mac 2025	RM29,000.00	-			RM29,000 x 1.50% setahun x 31 hari/365 hari = RM36.95
April 2025	RM35,000.00	Memenuhi deposit dana baharu minimum sebanyak RM3,000.00 2.30% setahun			RM35,000 x 3.80% setahun x 30 hari/365 hari = RM109.32
Mei 2025	RM38,000.00				RM38,000 x 3.80% setahun x 31 hari/365 hari = RM122.64
Jun 2025	RM42,000.00				RM42,000 x 3.80% setahun x 30 hari/365 hari = RM131.18
Julai 2025	RM40,000.00	-	-		RM40,000 x 0.50% setahun x 31 hari/365 hari = RM16.99
Ogos 2025	RM53,000.00	Memenuhi deposit dana baharu minimum sebanyak RM3,000.00 2.30% setahun	-		RM50,000 x 2.80% setahun x 31 hari/365 hari = RM118.90

21. Pelanggan yang membuka Pemegang Akaun Simpanan Prime/ Pemegang Akaun Prime semasa Tempoh Kempen akan layak menjadi ahli CIMB Prime Solutions tanpa memenuhi syarat 'Baki Minimum' Aset Dibawah Pengurusan. Walau bagaimanapun, Bank boleh memutuskan dari semasa ke semasa untuk mengubah syarat 'Baki Minimum' Aset Dibawah Pengurusan oleh Pelanggan. Kegagalan untuk mengekalkan syarat 'Baki Minimum' boleh mengakibatkan penamatan atau penggantungan perkhidmatan dan keistimewaan di bawah ahli Prime Solutions. Untuk Terma dan Syarat penuh Prime Solutions, sila [klik disini](#).

Aset Dibawah Pengurusan merujuk kepada mana-mana akaun deposit Bank dan/atau CIMB Islamic dan/atau dilaburkan dalam apa-apa produk pelaburan [tidak termasuk Dana Harga Berubah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)] Bank dan/atau CIMB Islamic di bawah akaun tunggal atau bersama Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun utama.

Penunaian Faedah Bonus

22. Faedah Bonus akan dibayar ke Akaun Layak Milik Peserta/Pelanggan Layak dalam tempoh sembilan puluh hari (90) hari kerja dari akhir setiap bulan semasa Tempoh Pembayaran Faedah Bonus.
23. Bagi mengelakkan keraguan, jika Peserta/Pelanggan Layak memegang lebih daripada satu Akaun Layak, maka Faedah Bonus akan dibayar mengikuti kriteria dibawah:
- Akaun Simpanan Prime akan diberi keutamaan berbanding Akaun Prime.
 - Akaun Layak dengan tarikh pembukaan akaun paling awal akan diberi keutamaan.

24. Contoh Pembayaran Faedah Bonus

Ilustrasi	Pengiktirafan
Pelanggan A mempunyai 2 Akaun Simpanan Prime	Akaun Simpanan Prime dengan tarikh pembukaan akaun yang lebih awal akan diberi keutamaan.
Pelanggan B mempunyai 2 Akaun Prime	Akaun Prime dengan tarikh pembukaan akaun yang lebih awal akan diberi keutamaan.
Pelanggan C mempunyai 1 Akaun Simpanan Prime dan 1 Akaun Prime	Akaun Simpanan Prime akan diberi keutamaan berbanding Akaun Prime.

25. Semasa tempoh perkreditan Faedah Bonus, Akaun Layak Milik Peserta/Pelanggan Layak TIDAK BOLEH dormant, ditamatkan, ditutup, tertunggak dan/atau menjadi tidak sah atau dibatalkan, jika sebaliknya, Peserta/Pelanggan Layak akan tidak lagi berhak menerima Faedah Bonus tersebut apabila Akaun Layak ditakrifkan sebagai dormant, ditamatkan, ditutup, tertunggak dan/atau menjadi tidak sah atau dibatalkan.
26. Faedah Bonus tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga, ditukarkan dengan ganjaran lain yang bernilai serupa atau sebarang alternatif lain dalam apa-apa hal keadaan. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Peserta/Pelanggan Layak untuk mengkreditkan Faedah Bonus ke Akaun/-i Simpanan/Semasa CIMB lain Peserta/Pelanggan Layak atau sebarang Akaun/-i Simpanan/Semasa CIMB mana-mana pihak ketiga.

Terma dan Syarat Am

27. Peserta/Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:

- a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma dan Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang menjejaskan kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) bersetuju dengan pemprosesan dan penzahiran data peribadi mereka oleh CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada pautan www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Ganjaran yang akan diberikan dan penentuan Peserta/Pelanggan Layak, adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Peserta/Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:
 - (i) kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa faktor yang bersifat force majeure di luar kawalan munasabah CIMB.
28. Peserta/Pelanggan Layak akan dihilangkan kelayakannya untuk menyertai Kempen ini dan/atau hak penerimaan Faedah Bonus akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau Tempoh Kelayakan Faedah Bonus dan/atau sebelum perkreditan Faedah Bonus:
- a) Peserta/Pelanggan Layak memungkirkan terma dan syarat yang mengawal Prime CASA;
 - b) Prime CASA ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk pada apa-apa penahanan, perintah yang memudaratkan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan di sisi undang-undang; atau
 - c) Prime CASA adalah tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta/Pelanggan Layak atau CIMB.
29. CIMB berhak menghilangkan kelayakan mana-mana Peserta/Pelanggan Layak yang diputuskan oleh CIMB sebagai:
- a) mengganggu penyertaan; dan/atau
 - b) bertindak memungkirkan Terma dan Syarat ini
- dan CIMB akan memberitahu Peserta/Pelanggan Layak.
30. CIMB berhak melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini dengan memberikan notis kepada Peserta/Pelanggan Layak selama tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu melalui:
- (i) pengumuman pada laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - (iv) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta/Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta/Pelanggan Layak, sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang penggantian Faedah Bonus dan/atau apa-apa pembatalan, penangguhan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.
31. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta/Pelanggan Layak atau mana-mana pihak terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan

pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:

- a) Penyertaan atau tanpa sertaan Peserta/Pelanggan Layak dalam Kempen ini; dan/atau
- b) Sebarang pemberitahuan yang tidak diterima atau diterima lewat oleh Peserta/Pelanggan Layak berkenaan dengan Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("**SMS**") atau eDM

melainkan jika kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada, dan disebabkan secara langsung oleh, kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

- 32. a) CIMB berhak mengubah, menambah, memotong atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis kepada Peserta/Pelanggan Layak selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu melalui:
 - (i) pengumuman pada laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - (iv) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
 - (v) apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
 - c) Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Peserta/Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu.
 - d) Jika perubahan itu diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan yang Layak tentang perubahan ini secepat mungkin.
 - e) Peserta/Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB pada waktu selang yang tetap untuk melihat terma dan syarat Kempen ini dan untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat kemas kini mengenai apa-apa perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
33. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta/Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta/Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.
34. Peserta/Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi, dan memastikan bahawa Bank terus ditanggung rugi, sepenuhnya terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada:
- a) penyertaan Peserta/Pelanggan Layak dalam Kempen ini; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Faedah Bonus oleh Peserta/Pelanggan Layak; dan/atau
 - c) pelanggaran atau kegagalan Pelanggan yang Layak untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.
35. Terma dan Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
 - b) harus dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa Prime CASA yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
36. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia lain yang berkaitan dengan CIMB.
37. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang CIMB miliki pada masa hadapan.

38. a) Peserta/Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Penyelesaian Pelanggan (“**CRU**”) CIMB untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:

Alamat:

CIMB Bank Berhad,
Unit Penyelesaian Pelanggan, Peti Surat 10338,
GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon: +603-6204 7788
E-mel: contactus@cimb.com

- b) CIMB boleh mengubah maklumat perhubungan di atas dengan memberitahu Peserta/Pelanggan Layak melalui pengumuman pada laman sesawang CIMB atau dengan mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.